



**JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**ETIKA SEMASA MENJALANKAN LATIHAN INDUSTRI DI PUSAT  
TAMAN LAUT**

- **PAKAIAN**  
Pelajar pelatih industri harus berpakaian kemas mata. Pakaian formal adalah dimestikan semasa bertugas di Pejabat Taman Laut. T-shirt dan trek suit adalah digalakkan semasa aktiviti laut. Pelajar-pelajar tidak boleh sama sekali memakai seluar atau skirt pendek daripada paras lutut, t-shirt tanpa kolar atau singlet pada bila-bila masa kecuali di dalam bilik asrama. Pelajar tidak boleh memakai bikini semasa berenang. Baju renang one-piece adalah dibenarkan.
- **KETEPATAN MASA**  
Pelajar-pelajar mesti berada di tempat yang telah ditetapkan oleh pegawai bertugas 15 minit sebelum waktu pejabat atau aktiviti bermula.
- **MENJAGA IMEJ BAIK JABATAN TAMAN LAUT**  
Setiap pelajar di Pusat Taman Laut adalah sebahagian daripada Jabatan Taman Laut. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar mempunyai tanggungjawab menjaga nama baik Jabatan. Pelajar-pelajar harus mengamalkan budi bahasa yang baik dan sedia membantu ketika bertugas dan berurusan dengan orang luar.
- **KEADABAN KEPADA PEGAWAI BERTUGAS**  
Pelajar-pelajar hendaklah menghormati pegawai yang bertugas serta lain-lain kakitangan di Pusat Taman Laut. Arahan serta nasihat yang diberikan haruslah dipatuhi dan dilaksanakan dengan efisien.
- **PERGAULAN DENGAN KAKITANGAN PUSAT TAMAN LAUT**  
Pelajar-pelajar tidak dibenarkan sama sekali berada di asrama kakitangan Pusat Taman Laut selepas jam 9 malam. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berjumpa dengan kakitangan Pusat Taman Laut selepas jam 9.30 malam kecuali terdapat kecemasan (kecederaan atau sakit) ataupun terdapat aktiviti yang telah ditentukan oleh Ketua Pusat Taman Laut. Segala urusan selepas 9.30 malam hanya dibenarkan untuk urusan bersama Pegawai bertugas bagi sesuatu program dan Ketua Pusat sahaja.
- **PERGAULAN SESAMA RAKAN SEPASUKAN**  
Pelajar lelaki dan perempuan tidak dibenarkan berdua-duan pada setiap masa. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berada di luar kawasan asrama selepas jam 9.30 malam. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan membuat bising

dan mengganggu ketemteraman pelajar lain dan kakitangan Pusat Taman Laut.

- **KESELAMATAN DIRI DAN HARTA BENDA**  
Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berenang di laut selepas jam 6 petang. Pelajar-pelajar juga tidak dibenarkan merayau-rayau di Pulau Taman laut bersendirian. Aktiviti jungle trekking adalah tidak dibenarkan selepas jam 6 petang. Pelajar-pelajar tidak digalakkan membawa atau memakai barangan berharga sepanjang bertugas di Taman Laut. Pelajar-pelajar harus bertanggungjawab ke atas segala barangan yang dibawa semasa bertugas.
  
- **LAIN-LAIN PERATURAN SEPANJANG MENJALANKAN LATIHAN INDUSTRI**
  - **AIR DAN ELEKTRIK**  
Pelajar-pelajar harus mengamalkan sikap berjimat cermat ketika menggunakan kedua-dua kemudahan tersebut. Air mestilah dipastikan telah ditutup ketat selepas digunakan. Semua lampu harus dipadam selepas jam 11 malam.
  
  - **KEBERSIHAN**  
Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran Taman Laut. Sampah harus dibuang ke tempat yang telah disediakan. Pelajar-pelajar digalakkan mengamalkan kitar semula atau guna balik barangan (recycle and reuse) untuk mengurangkan kuantiti sampah yang dihasilkan.
  
  - **TUGAS-TUGAS LAIN (MEMASAK, MEMBERSIHKAN KAWASAN PUSAT DAN KEDIAMAN, MENGHIDUPKAN DAN MEMATIKAN SET GENERATOR)**  
Pelajar-pelajar hendaklah memikul tugas-tugas seperti tersebut di atas mengikut arahan Ketua Pusat atau Pegawai Bertugas.
  
- **TINDAKAN KE ATAS KEGAGALAN MEMATUHI**  
**Tindakan disiplin** (potongan elaun dan lain-lain jenis hukuman yang ditentukan oleh Ketua Unit atau Ketua Pusat) akan dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang gagal mematuhi segala etika seperti yang tersebut di atas. **Laporan kepada penyelia atau penyelaras program Latihan Industri Universiti** akan dibuat sekiranya pelajar-pelajar mengingkari peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**PERAKUAN:**

Saya mengaku bahawa saya telah **membaca dan memahami** serta akan **mematuhi** segala peraturan dan perundangan yang perlu saya ikuti semasa berada di Taman Laut. Sekiranya saya didapati mengingkari arahan Pegawai Bertugas atau Ketua Pusat atau melanggar salah satu daripada peraturan

yang telah dinyatakan di atas, saya bersedia **menerima sebarang tindakan disiplin** dan perundangan yang akan dikenakan ke atas **saya tanpa diberi amaran terlebih dahulu**. Pada menyaksikan perkara di atas, saya menurunkan tandatangan saya.

.....  
(Nama: )  
Tarikh:  
No. K/P:

**DI HADAPAN:**  
**Tandatangan Saksi**

.....  
(Nama: )  
Tarikh:  
No. K/P: